

Faktor-Faktor Stres Di Kalangan Guru Yang Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing, Johor.

Ahmad Johari Bin Sihes & Ng Gek Lui

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk menentukan faktor-faktor stres di kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing. Seramai 21 orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing dijadikan responden dalam kajian ini. Penyelidikan ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan soal selidik. Faktor yang dikaji meliputi sikap murid, sikap ibu bapa, komunikasi antara guru dan murid, dan sasaran yang ditetapkan oleh pihak atasan. Analisis data dilaksanakan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science 11.5* (SPSS). Hasil analisis menunjukkan aspek komunikasi antara guru dengan murid merupakan aspek yang paling mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing. Ini diikuti dengan sasaran yang ditetapkan oleh pihak atasan. Manakala sikap murid dan sikap ibu bapa kurang mempengaruhi stres guru-guru di kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Beberapa cadangan dikemukakan untuk menangani masalah stress di kalangan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Daerah Mersing.

Katakunci : faktor stress, guru, Bahasa Melayu

Pengenalan

Pendidikan adalah teras pembentukan semangat kenegaraan kita bersama dan pembinaan tamadun. Oleh yang demikian, sistem dan proses pendidikan yang berkesan dan berkualiti merupakan asas usaha membina negara.

Dalam konteks ini, Kementerian Pelajaran sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab melaksanakan tuntutan masyarakat dan memenuhi keperluan negara, telahpun merancang program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik teknologi maklumat dan komunikasi, berkemahiran, dan berakhlak mulia bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Reformasi di dalam bidang pendidikan seperti Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) turut menyumbangkan kepada beban kerja. Dalam hal ini, didapati bahawa guru-guru KBSR dan KBSM yang mengalami stres sehingga cenderung untuk meninggalkan profesion keguruan.

Pada setiap hari persekolahan, seorang guru terpaksa berdepan dengan murid-murid yang berlainan perwatakan, maka ia tidak dapat elak daripada seribu satu masalah. Dalam usaha guru melayan keperluan, kehendak dan keperihatinan murid-muridnya, menghadapi pelbagai kebimbangan, tekanan dan desakan emosi. Seseorang guru juga terpaksa menghadapi isu-isu dan cabaran-cabaran yang timbul dari semasa ke semasa. Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan wujudnya masalah stres di kalangan guru.

Masalah stres perlu diambil perhatian yang serius. Jika dapat dikenal pasti puncanya daripada awal, maka bolehlah diatur strategi untuk membantu guru menangani masalah stres. Dengan itu, guru berkenaan tidak tergolong dalam golongan guru-guru yang tidak bersemangat, tiada motivasi, kecewa, atau tiada kepuasan kerja.

Pernyataan Masalah

Guru merupakan sumber tenaga manusia terpenting dalam pendidikan. Jika sumber tenaga ini tidak diuruskan secara bijak, banyak permasalahan akan timbul. Beberapa kajian telah dijalankan oleh para pengkaji dan mendapati bahawa profesion keguruan merupakan satu profesion yang berisiko tinggi untuk mengalami stres (Durham dan Varma, 1998 dalam Noor Hidayah, 2003). Stres di tempat kerja seharusnya dielakkan kerana ia boleh mempengaruhi kemerosotan prestasi kerja yang akhirnya boleh menjejaskan perjalanan sesebuah organisasi (Duo, 1994 dalam Noor Hidayah, 2003). Jikalau guru berada dalam keadaan stres, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi kurang berkesan.

Guru-guru di SJK(C) biasanya bersikap cuba elakkan diri atau enggan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu kerana prestasi murid dalam mata pelajaran ini sentiasa rendah terutamanya dalam peperiksaan UPSR. Demi meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran tersebut, biasanya pihak pentadbir akan merancang program-program yang dapat membantu meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran ini. Guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu juga kerap kali dipantau. Unsur-unsur tersebut mengakibatkan stress kepada guru-guru berkenaan. Akibatnya, timbul persoalan stres di kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Daerah Mersing.

Masalah stres khususnya dikalangan guru-guru Bahasa Melayu SJK(C) Daerah Mersing perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berkaitan. Justeru itu, pengkaji akan memfokuskan kajian ini kepada faktor-faktor yang mempengaruhi stres di kalangan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di Daerah Mersing khasnya mereka yang mengajar kelas UPSR dengan harapan semoga kajian ini sedikit sebanyak akan dapat membantu untuk mengesan serta memperbaiki masalah stres di kalangan guru-guru bersesuaian dengan objektif untuk meningkatkan mutu serta kecemerlangan profesion pendidikan.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengesan punca stres di kalangan guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing. Manakala pengkhusuan kajian ini ialah penekanan kepada komponen objektif utama seperti berikut :

1. Menentukan sama ada sikap murid mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing.
2. Menentukan sama ada sikap ibu bapa mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing.
3. Menentukan sama ada komunikasi antara guru dan murid mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing.
4. Menentukan sama ada sasaran yang ditetapkan oleh pihak atasan mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing.

Kepentingan kajian

Kajian ini adalah penting, kerana hasil daripada kajian ini dapat mengenalpasti punca stres di kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing. Hasil kajian dapat dijadikan panduan berikut:-

1. Membantu pihak pentadbir membuat perancangan yang membawa manfaat kepada semua pihak yang berkaitan. Misalnya perancangan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

2. Membantu pihak pentadbir mengagih tugas dengan munasabah supaya tidak menjadi beban kepada guru, contohnya dapat mengurangkan stres yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu berkenaan.
3. Mengesan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid Cina dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK(C) Mersing. Kesedaran ini membantu guru-guru berkenaan merancang pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, di samping itu melaksanakan aktiviti motivasi, memberi dorongan dan memupuk minat pelajar agar dapat mempertingkatkan prestasi mata pelajaran ini pada masa yang akan datang.
4. Membantu pihak ibu bapa, Pejabat Pelajaran Daerah Mersing dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor dalam menangani masalah kemerosotan Bahasa Melayu di kalangan Murid SJK(C) Daerah Mersing sekarang.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada sikap murid, sikap ibu bapa, komunikasi antara guru dan murid serta sasaran yang ditetapkan oleh pihak atasan mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing, di negeri Johor. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan pendekatan tinjauan.

Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat, mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang ramai dapat diadakan dan sesuai untuk gambaran sebenar mengenai maklumat sampel kajian. Menurut Azizi Yahya et al. (2007), tinjauan adalah pendekatan deskriptif yang digunakan dengan meluas dalam bidang penyelidikan bagi mengumpul data dan maklumat. Tinjauan deskriptif bertujuan mendapatkan ukuran ataupun gambaran yang berkaitan dengan ciri populasi.

Menurut Mohd. Majid Konting (1993), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel. Ini kerana soal selidik tidak dipengaruhi oleh gerakbalas yang diberikan oleh sampel penyelidik. Oleh itu, mereka bebas menyatakan pendapat untuk menjawab setiap item yang diberikan.

Selain daripada mendapatkan banyak maklumat dalam masa yang singkat, pengumpulan data melalui cara ini adalah lebih terkawal dari segi mutu data yang diperolehi serta data tersebut mudah diproses, khususnya dengan bantuan komputer.

Populasi dan Sampel Kajian

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan keseluruhan populasi iaitu semua guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing bagi tahun 2008 sebagai sampel responden dalam kajian kerana bilangan populasi yang sedikit.

Berikut adalah data guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing, Johor.

Jadual 1: Data guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing Johor yang dijadikan responden kajian penyelidikan

BIL	SEKOLAH	BIL. GURU
1	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chiao Ching, Endau, Mersing.	6
2	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pai Chee, Mersing.	10
3	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jemaluang, Jemaluang, Mersing.	3
4	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Hubung, Endau, Mersing.	2
	JUMLAH	21

Sumber: Rekod Analisis Guru Keempat-empat Buah Sekolah.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian. Menurut Burke Johnson dan Larry Christensen (2000, Ramle, 2003, 2004), borang selidik ini adalah instrumen pengumpulan data berbentuk *self report*, iaitu setiap responden perlu mengisi sebahagian daripada kajian. Penyelidikan menggunakan borang soal selidik untuk memperolehi maklumat yang diperlukan mengenai responden. Dengan kata lain, penyelidik ingin mengukur perbezaan ciri-ciri yang pelbagai dengan menggunakan borang soal selidik. Kandungan dan penyusunan borang soal selidik adalah bergantung kepada keperluan objektif pengkaji (Mohd. Majid Konting, 1993). Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan untuk memperolehi data yang dapat dipercayai kesahannya dengan meluas dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan kerana arahan dan soalan adalah ringkas dan tujuan tinjauan dapat diterangkan dengan jelas secara bercetak dan seragam. Dengan menggunakan kaedah soal selidik ia lebih mudah mendapatkan kerjasama daripada responden kerana soal selidik lebih menjamin kerahsiaan dan menimbulkan respons yang lebih jujur, ia juga mempunyai piawaian yang lebih baik dimana kebolehpercayaan lebih tinggi (Azizi Yahaya et al, 2007). Borang soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu :-

Bahagian A : Latar Belakang Guru

Bahagian A soal selidik ini mengandungi item tentang latar belakang guru seperti jantina, umur, bangsa, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Bahagian B : Soalan Soal Selidik Persoalan Kajian

Bahagian ini mengandungi sebanyak 40 item yang direka bentuk untuk meliputi aspek yang hendak dikaji seperti sikap murid, sikap ibu bapa, faktor komunikasi antara guru dan murid serta sikap dan aspirasi pentadbir. Set soalan ini memerlukan responden memberikan jawapan berdasarkan skala pemeringkatan Likert pada lima aras yang berbeza iaitu dari ekstrem negatif ke ekstrem positif.

Jadual 2: Skala Likert

Kenyataan		Ringkasan		Skor
Amat Setuju	Setuju	AS	S	5
Setuju		S		4
Tidak Pasti	Tidak Pasti	TP	TP	3
Tidak Setuju	Tidak	TS	TS	2
Amat Tidak Setuju	Setuju	ATS		1

Bagi tujuan analisis dan perbincangan, pengkaji telah mengecilkan skop daripada lima pilihan jawapan kepada tiga pilihan jawapan sahaja iaitu untuk pilihan jawapan Amat Tidak Setuju (ATS) dan Tidak Setuju (TS) dicantumkan menjadi Tidak Setuju (TS) manakala Tidak Pasti (TP) dikekalkan sementara Setuju (S) dan Amat Setuju (AS) dijadikan Setuju sebagaimana dalam jadual 2.

Jadual 3 : Taburan item-item soal selidik mengikut persoalan kajian

Aspek kajian (Bahagian B)	No. Item	Bil Item
1. Sikap murid	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10	10
2. Sikap ibu bapa	11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20	10
3. Faktor komunikasi	21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30	10
4. Sikap pentadbir	31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40	10
Jumlah soalan		40

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan adalah untuk memastikan responden memahami soal selidik yang dikemukakan kepada mereka. Di samping itu kajian rintis juga dapat menilai kesahan soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Item soal selidik yang bermutu sahaja akan dipilih, manakala item soal selidik yang bermasalah akan diperbaiki dan dimasukkan dalam soal selidik yang akhir.

Sebelum kajian rintis dijalankan, soal selidik yang direka bentuk mendapat bimbingan dan pengesahan daripada pensyarah pembimbing Encik Ahmad Johari Bin Sihes. Soal selidik yang telah siap diedarkan kepada sepuluh orang responden bagi menjawab item-item tersebut. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan akan diuji menggunakan *Statistic Package For The Social Science 11.5* (SPSS 11.5) bagi mendapat kebolehpercayaan item soal selidik berkenaan.

Data daripada kajian rintis diproses dengan menggunakan perisian SPSS 11.5. Hasil daripada kajian rintis tersebut, didapati bahawa secara keseluruhannya nilai pekali Alpha adalah 0.87 berada pada tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. (Mohd Najib,1999)

Analisis Data

Jadual 4 menunjukkan keputusan keseluruhan bagi setiap persoalan kajian.

Jadual 4 : Perbandingan Keputusan Keseluruhan Persoalan Kajian

Persoalan Kajian	Faktor	Purata Peratusan (%)			Min
		TS	TP	S	
1	Sikap Murid	53.8	9.0	37.2	2.79
2	Sikap Ibu Bapa	57.1	9.1	34.8	2.67
3	Aspek Komunikasi Antara Guru Dengan Murid	30	3.3	66.7	3.45
4	Aspek Sasaran Yang Ditetapkan Oleh Pentadbir	45.2	5.7	49.1	3.08

Daripada empat aspek yang dikaji, aspek komunikasi antara guru dengan murid mencapai purata peratusan yang tertinggi, iaitu 66.7% responden setuju dan diikuti dengan aspek sasaran yang ditetapkan oleh pentadbir iaitu 49.1% responden yang setuju. Manakala sikap ibu bapa mencapai peratusan yang paling rendah, iaitu 34.8%.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek komunikasi antara guru dengan murid merupakan faktor yang agak penting di mana purata peratusan yang diperolehi ialah 66.7%. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa aspek komunikasi antara guru dengan murid merupakan aspek yang paling mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing diikuti dengan aspek sasaran yang ditetapkan oleh pentadbiran dan aspek sikap murid. Sikap ibu bapa merupakan aspek yang paling kurang mempengaruhi stres di kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing di SJK(C) Daerah Mersing.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, aspek sikap murid merupakan faktor ketiga mempengaruhi stres Guru Bahasa Melayu di SJK(C) Mersing walaupun murid-murid bersikap negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Sabri Ahmad (2003, dalam Hussayani, 2004) seseorang pelajar yang bertanggungjawab terhadap pelajaran akan menunjukkan sikap seperti sentiasa menyiapkan kerja atau tugas yang diberikan oleh guru. Tetapi bagi majoriti murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Mersing, mereka mengamalkan sikap tidak bertanggungjawab terutamanya pada waktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu guru Bahasa Melayu harus berusaha untuk memberi penekanan terhadap sikap positif terhadap Bahasa Melayu, cintakan bahasa Melayu, sentiasa belajar Bahasa Melayu dengan gigih serta tekun.

Pada setiap waktu pembelajaran bahasa Melayu, guru Bahasa Melayu SJK(C) Mersing terpaksa berdepan dengan murid-murid yang bersikap negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dengan susah payah guru merancang dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, tetapi tidak dihargai oleh murid malahan terpaksa menangani masalah-masalah murid tidak menumpukan perhatian pada aspek pengajaran dan pembelajaran. Stres, kebimbangan dan desakan emosi mungkin berlaku apabila pelajar tidak dapat mencapainya objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan. Tambahan lagi guru akan kecewa dengan sikap pelajar yang tidak menyiapkan kerja sekolah.

Menurut dapatan kajian, antara keempat-empat aspek kajian, aspek ibu bapa merupakan faktor yang paling kurang mempengaruhi stres di kalangan guru Bahasa Melayu SJK(C) Mersing.

Walau bagaimana pun kita tidak boleh menafikan bahawa faktor ini boleh juga menyebabkan stres di kalangan guru. Kajian Unit Kaunseling Jabatan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bagi mengenal pasti masalah guru di seluruh negara pada tahun 2006 mendapati, 83 peratus guru berasa tertekan dengan harapan tinggi ibu bapa itu. Sikap ibu bapa yang terlalu mengharapkan guru mengajar anak mereka sehingga muncul sebagai pelajar cemerlang dalam akademik menjadi punca utama mereka menghadapi tekanan di tempat kerja sehingga menjejaskan prestasi perkhidmatan masing-masing.

Daerah Mersing bukannya satu daerah yang telah berkembang dengan pesat, pandangan dan hasrat ibu bapa terhadap anak agak berbeza dengan ibu bapa di bandar-bandar besar, persaingan antara murid tidak begitu hebat. Malahan sebahagian besar ibu bapa yang tinggal di kawasan kampung masih berpendapat bahawa Bahasa Melayu bukannya alat komunikasi untuk mencari rezeki, dan anak mereka yang dewasa kelak akan mewarisi kerjaya ibu bapa mereka yang hanya menggunakan Bahasa Cina sahaja. Pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu anak golongan ibu bapa ini tidak diambil berat. Sebenarnya jika diberi penelitian yang lebih mendalam, boleh didapati sebahagian besar ibu bapa ini langsung tidak mempedulikan pencapaian anak mereka di sekolah dan, anak mereka dihantar ke sekolah hanya disebabkan syarat pendidikan wajib. Oleh itu guru tidak rasa tertekan daripada pihak ibu bapa.

Menurut penelitian pengkaji, daripada empat aspek yang dikaji, faktor utama yang mempengaruhi stres guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing ialah aspek komunikasi antara guru dan murid. Dalam aspek ini majority responden setuju bahawa murid mempunyai sikap yang negatif terhadap penggunaan Bahasa Melayu iaitu Murid enggan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. Mereka memilih mendiamkan diri jika tidak dibenarkan berkomunikasi dalam bahasa ibunda. Sebahagian besar responden bersetuju pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu tidak berkesan jikalau tidak dibantu dengan bahasa ibunda.

Justeru itu, guru akan menghadapi tekanan jika murid tidak mempunyai minat dalam pembelajaran mereka. Sekiranya murid dapat menyiapkan kerja yang diberi dan menumpukan perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Dengan adanya kerja sama daripada murid maka tekanan guru akan berkurang.

Menurut Kyricaou dan Sutcliffe (1978), tekanan kerja guru ialah emosi negatif yang dialami oleh seorang guru semasa menjalankan tugas. Seseorang guru yang dapat menjalankan tugas dengan baik serta pencapaian prestasi yang memuaskan tentunya tidak akan berasa tertekan, tidak akan timbul emosi negatif. Emosi negatif berkenaan umpamanya kemarahan, keresahan, ketegangan, kekecewaan dan kemurungan yang dialami oleh seseorang guru itu. Pendek kata, guru-guru Bahasa Melayu SJK(C) Mersing boleh dibebaskan daripada stres yang dipengaruhi oleh aspek komunikasi antara murid dan guru.

Berpandu kepada dapatan kajian, aspek sasaran yang ditetapkan oleh pihak atasan merupakan faktor yang kedua mempengaruhi stres guru-guru Bahasa Melayu di SJK(C) Daerah Mersing. Sebagaimana yang diketahui, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah mata pelajaran wajib peperiksaan, oleh itu subjek ini menjadi tumpuan orang ramai. Ekspektasi daripada pelbagai pihak terhadap pencapaian subjek ini secara langsung mengekang semangat dan moral para guru.

Penanda aras yang ditentukan pengurusan sekolah kepada guru bagi memastikan warga pendidik memberi perkhidmatan cemerlang dalam membantu pelajar memperoleh keputusan cemerlang juga menambah tekanan mereka di sekolah. Pemantauan dan penyeliaan yang dianggap boleh meningkatkan prestasi P & P secara langsung dengan pembabitian pihak

pengurusan telah membawa stress kepada guru. Begitu juga dengan prestasi murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang tidak mencapai sasaran pentadbir.

Apa yang berlaku memanglah menepati kajian yang dijalankan oleh kauselor Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah menjelaskan bahawa satu fenomena di mana guru kurang keupayaan untuk menyerap semua tekanan yang diterima. Terdapat sebahagian guru yang sedang berada dalam keadaan dilemma kerana berasa kurang keyakinan untuk bersaing dengan kehendak sukatan yang digariskan serta tuntutan kurikulum yang pelbagai. Memandangkan tuntutan-tuntutan yang pelbagai dan berat ini, adalah tidak hairan bahawa isu stress berlaku di kalangan guru.

Rujukan

- Atan Long (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur:PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Dunham, Jack. (1977). *The Effect of Disruptive Behavior on Teachers*. Educational Review, 19(3), 181-187.
- Head. J & Hill. F, (1996). *Stress and the Post Graduate Secondary School Trainee Teacher*. A British Case Study, Journal of Education for Teaching, vol.22, Issue 1, ms 71.
- Hussayani Hussain (2004) *Hubungan Tahap Stes Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja Di Kalangan Guru-guru Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Kedah*. Projek Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Kiwamuddin Othman (1991). *Tinjauan Tahap Dan Punca Stres Di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan*. Satu Kajian Kes Di Universiti Teknologi Malaysia .
- Kyricaou & Sutcliffe (1978). *Teachers Stress: Prevalence, Sources ang symptoms*. British Journal of Educationa Psychology, 48
- Lim, Ng Ai Tee (1990). *Factors Affecting Teachers Stres In Secondary School*. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Malaya.
- McGrath, J. (1994). *Social and Psychological Factors in stres*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Mohd. Hasidin Zaini (1995). *Faktor Ciri-ciri Kerja Yang Mempengaruhi Stres Guru: Kajian di Daerah Sabak Bernam, Selangor*. Projek Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor Hadayah Binti Hj. Ahmad (2003). *Faktor-faktor yang menyebabkan Stres kerja di Kalangan Guru Sekolah Menengah : Satu Kajian di Daerah Johor Bahru, Johor*. Projek Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramle Bin Haji Abdul Rahman (2003). *Masalah Stres Di Kalangan Guru Pertukangan di Sekolah Menengah Teknik Di Daerah Melaka Tengah : Satu Kajian Mengenai Punca dan Tahap Stres Guru*. Projek Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohani Md. Sharif (1991). *Pengaruh Faktor Sekolah Ke Atas Tekanan Guru*. Projek Sarjana Muda Universiti Malaya.
- Sapora Sipon (2005). *Tangani Guru Terbeban*. *Utusan Malaysia*. 11 Julai
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu. (2003) *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn.Bhd.